

Permasalahan Yang Dihadapi Oleh Pelajar PKPG (4SPH) Semasa Mengikuti Pengajian Di UTM.

Hanim Sulaiman & Muhammad Niezam Bin Mukhtar
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian ini bertujuan untuk melihat kewujudan masalah di kalangan pelajar-pelajar PKPG semasa mengambil ijazah di Universiti Teknologi Malaysia. Objektif kajian ialah untuk mengenal pasti sejauh mana aspek pengurusan masa, kewangan, keluarga dan penerimaan pembelajaran menjadi masalah kepada pelajar PKPG semasa belajar di UTM. Responden terdiri daripada 126 orang pelajar PKPG tahun akhir kursus Kemahiran Hidup (4SPH). Reka bentuk kajian yang dijalankan adalah menggunakan kaedah tinjauan berbentuk deskriptif dengan menggunakan statistik deskriptif perbandingan min. Instrumen kajian yang digunakan ialah set soal selidik yang digunakan untuk mengumpulkan data mengenai empat aspek iaitu aspek pengurusan masa, kewangan, keluarga dan penerimaan pembelajaran. Nilai kebolehppercayaan Alpha ialah 0.783. Semua data-data yang diperolehi dianalisis menggunakan program Statistical Packages for Social Science (SPSS) versi 13.0 untuk memperolehi frekuensi, peratus dan min. Hasil kajian mendapati pelajar-pelajar PKPG tidak menghadapi masalah yang serius dalam aspek yang dikaji. Tetapi jika dilihat daripada aspek kewangan, nilai dapatan purata min menunjukkan pada tahap sederhana iaitu 3.53. Hasil data ini menunjukkan bahawa faktor ini memberi kesan secara amnya kepada pelajar PKPG semasa mengambil ijazah di UTM. Beberapa cadangan telah di kemukakan untuk tindakan pihak yang berkenaan bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh pelajar yang terlibat.

Katakunci : PKPG (4SPH), masalah

Pengenalan

Falsafah Pendidikan Negara menjelaskan bahawa pendidikan merupakan satu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu, secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Falsafah Pendidikan Negara ini juga dapat melahirkan rakyat yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat serta negara (Rabiah, 1994).

Pendidikan boleh diibaratkan sebagai kunci kepada usaha membangunkan masyarakat dan negara. Masyarakat yang terdidik secara menyeluruh dan seimbang dapat menyumbang kepada pembangunan negara adalah produk daripada pendidikan berkualiti yang selaras dengan keperluan negara dan kehendak semasa (Mohammed Nor, 1990). Dalam bidang perguruan, seseorang guru itu adalah digalakkan untuk menambahkan pengetahuannya demi meningkatkan dan melicinkan proses pengajaran dan pembelajaran.

Menurut Sharifah Alwiah (1984), profesion perguruan adalah satu bidang yang unik, tetap dan diperlukan oleh masyarakat. Jadi, disebabkan hal ini seseorang guru perlu cuba seberapa boleh untuk meningkatkan tahap penguasaan ilmu pengetahuan supaya apa yang bakal disampaikan kepada pelajar akan dapat dijadikan suatu aset yang berguna kepada mereka suatu hari kelak. Proses pembelajaran yang dimaksudkan ini sebenarnya melibatkan banyak aspek bagi melancarkan proses pembelajaran berlaku secara terancang. Dalam hal ini, Hashim Buang

(1999) telah mengklasifikasikan pembelajaran ini kepada 3 kategori yang berbeza iaitu pembelajaran yang terancang ataupun pembelajaran formal, pembelajaran yang diperolehi melalui interaksi dengan persekitaran atau disebut juga pembelajaran informal dan seterusnya pembelajaran non-formal iaitu pembelajaran yang berlaku di dalam dan aktiviti pendidikan yang berorganisasi dan sistematik untuk memberikan jenis pembelajaran yang terpilih. Kesemua pembelajaran ini biasanya pernah dan akan dilalui oleh semua individu, Cuma mungkin cara penerimaan pembelajaran yang diikuti berbeza.

Menurut Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Jabatan Sekolah, Datuk Khairudin Asha'ari. (Berita Harian, 5 hb Jun 1998), menyatakan guru bukan siswazah bagi mata pelajaran sains dan Teknologi serta Bahasa Inggeris di sekolah menengah berpeluang melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah pertama apabila Kementerian Pendidikan melaksanakan program pensiswazahan. Langkah itu adalah antara program yang dirancang oleh Kementerian Pendidikan untuk meningkatkan mutu dan kelayakan guru bukan siswazah bagi mata pelajaran terbabit. Kaedah ini juga akan membolehkan Kementerian Pendidikan memilih guru yang layak untuk diberi peluang melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah pertama.

Menyedari hasrat ini, satu program khas telah dilaksanakan dan dikenali sebagai Program Kembar (Twinning Programme) yang dijalankan antara maktab perguruan dan universiti tempatan. Program ini telah mula dilaksanakan pada bulan Jun 1993 (Suleiman, Md.Ali dan Kandar, 1995). Namun pada masa kini program tersebut telah ditukar kepada Program Khas Pensiswazahan Guru (PKPG) tetapi perlaksanaannya masih lagi dikekalkan.

Pernyataan Masalah

Kementerian Pendidikan telah menganjurkan beberapa program pensiswazahan guru sejak tahun 1993 hingga sekarang, cuma bezanya daripada segi nama program sahaja. Bermula dengan Program Berkembar (1993 hingga 1995) diikuti Kursus Diploma Perguruan Khas (KDPK) (1996 hingga 1997) seterusnya Program Khas Pengsiswazahan Guru (PKPG) (1999 hingga sekarang). Program-program ini dijalankan di antara maktab perguruan dengan universiti. Program yang dianjurkan ini merupakan saluran terbaik kepada guru-guru berkenaan yang sebelum ini tidak mempunyai peluang sedemikian (Mat Nor, 2002).

Sememangnya wujud masalah bagi pelajar yang telah lama meninggalkan alam pengajian dan memasuki institusi pengajian tinggi dengan separuh gaji. Menurut Upcaft (1984) dalam Abu Bakar, Aziz dan Mohd Mohsin (1995), pelajar dewasa memerlukan masa untuk menyesuaikan diri dengan situasi pembelajaran baru yang telah lama mereka tinggalkan. Masalah yang dikhuatiri wujud dalam kehidupan mereka sebagai pelajar sepenuh masa di UTM ialah masalah dari segi pengurusan masa. Ini berkemungkinan besar disebabkan mereka telah berkeluarga dan menghadapi kesukaran mengagihkan masa dengan baik. Permasalahan ini menjadi agak genting apabila terpaksa berulang alik dari universiti ke kampung halaman bagi mereka yang tinggal berjauhan.

Selain itu, pelajar-pelajar PKPG ini mempunyai tanggungjawab yang lain sama ada yang telah berkahwin atau yang masih bujang. Ini dikhuatiri wujudnya masalah kewangan dalam kehidupan mereka sebagai pelajar dan seorang anggota penting dalam sesebuah keluarga. Walaupun mereka masih lagi diberikan separuh gaji dan bantuan pinjaman dari Kementerian Pelajaran, keadaan ini tidak banyak membantu untuk membiayai kehidupan mereka dengan lebih sempurna.

Oleh kerana pelajar-pelajar PKPG ini terdiri daripada mereka yang telah lama meninggalkan alam persekolahan, kemungkinan besar wujud pula masalah dari segi penerimaan

pembelajaran. Sering kali kedengaran rungutan daripada kelompok ini bahawa usia dan disebabkan telah lama meninggalkan alam persekolahan menyebabkan mereka sukar untuk mencapai kecemerlangan dalam akademik di UTM.

Menurut Mohd Nazri (2002), halangan dan cabaran dalam pembelajaran ini wujud disebabkan beberapa faktor yang menjadi kebiasaan bagi seseorang pelajar. Antara faktor yang menjadi tunjang kepada masalah atau cabaran tersebut ialah faktor pengurusan masa, faktor ekonomi dan faktor penerimaan pembelajaran. Faktor-faktor yang telah disebutkan ini kerap kali mengganggu ketabahan dan kekuatan seseorang dalam penerimaan pembelajaran.

Sehubungan dengan itu, satu kajian perlu dijalankan untuk meninjau permasalahan guru yang mengikuti program PKPG sepenuh masa. Kajian ini penting untuk mengenal pasti sejauh manakah masalah yang dihadapi oleh guru-guru yang mengikuti pengajian di universiti secara sepenuh masa. Justeru itu, secara tidak langsung pihak guru dapat mencari jalan penyelesaian yang terbaik dalam menangani cabaran apabila membuat keputusan untuk menyambung pelajaran sepenuh masa.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk mendapatkan gambaran jelas sejauh manakah masalah pelajar PKPG semasa menyambung pengajian secara sepenuh masa di UTM. Secara khusus kajian ini bertujuan untuk:

- i. Mengetahui sama ada faktor pengurusan masa menjadi masalah kepada pelajar PKPG semasa belajar di UTM.
- ii. Mengetahui sama ada faktor kewangan menjadi masalah kepada pelajar PKPG semasa belajar di UTM.
- iii. Mengetahui sama ada faktor keluarga menjadi masalah kepada pelajar PKPG semasa belajar di UTM.
- iv. Mengetahui sama ada faktor penerimaan pembelajaran menjadi masalah kepada pelajar PKPG semasa belajar di UTM.

Kepentingan kajian

Hasil daripada kajian dan penyelidikan ini maka diharap ianya akan dapat dijadikan panduan oleh pihak-pihak tertentu. Terdapat juga beberapa manfaat yang diperolehi hasil daripada kajian yang dijalankan. Antaranya ialah :

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) : Pihak yang bertanggungjawab sepenuhnya kepada pendidik iaitu Kementerian Pelajaran Malaysia. Daripada keprihatinan pihak tersebut, berbagai program boleh diatur untuk tujuan peningkatan ilmu di kalangan para pendidik. Namun begitu masih ramai para pendidik yang tidak turut serta dalam program yang dianjurkan, mungkin kerana menghadapi pelbagai masalah. Kajian perlu dijalankan untuk mengenal pasti masalah utama yang dihadapi oleh guru yang mengikuti program PKPG sepenuh masa agar pelaksanaan program pada masa akan datang dapat diperbaiki. Pihak Kementerian boleh menggunakan dapatan penyelidikan ini untuk membantu menangani masalah yang dihadapi oleh guru.

Jabatan Perkhidmatan Awam. (JPA) : Di dalam kajian Sh. Husin (1999) masalah kewangan adalah faktor utama yang menghalang guru bukan siswazah melanjutkan pelajaran. Diharap dapatan kajian ini dapat digunakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam agar mengkaji semula program cuti belajar separuh gaji kepada gaji penuh. Selain dari itu sebagai daya penarik di atas usaha mereka pergerakan gaji yang lebih menarik bagi guru yang mengikuti kursus PKPG di Institusi pengajian tinggi.

Jabatan Pendidikan Teknikal (JPT) : Melalui Bahagian Perkembangan Staff di JPT yang sentiasa merancang untuk kemajuan pendidikan teknik dan vokasional boleh mendapat gambaran tentang masalah guru bukan siswazah apabila mengikuti PKPG. Selain dari itu pihak JPT boleh mendapat gambaran terhadap kepentingan kurikulum mata pelajaran dalam pendidikan teknik dan vokasional.

Fakulti Pendidikan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) : Dapat memberi maklum balas kepada JPT tentang perancangan mata pelajaran yang ditawarkan kepada guru bukan siswazah berdasarkan tahap pencapaian akademik mereka.

Guru-guru bukan siswazah : Dapat memberi gambaran mengenai faktor-faktor yang menjadi masalah kepada guru-guru bukan siswazah semasa melanjutkan pelajaran di UTM. Dengan ini mereka boleh membuat persediaan yang cukup untuk mengatasi masalah tersebut.

Reka Bentuk Kajian.

Kajian yang dilakukan berbentuk deskriptif. Menurut Mohd Najib (1999), kajian berbentuk deskriptif menggunakan kaedah tinjauan iaitu satu kajian untuk mendapatkan maklumat tentang sesuatu fenomena yang sedang berlaku. Instrumen kajian pula adalah set soalan soal selidik yang disediakan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan. Set soalan soal selidik ini akan diberi secara individu kepada responden.

Menurut Van Dalen di dalam Abd. Fatah (1999), data deskriptif ini biasanya dikumpul dengan mentadbir soal selidik, menemu bual subjek, memerhati peristiwa atau menganalisis sumber-sumber dokumentasi. Kajian berbentuk deskriptif meliputi tinjauan mudah yang lebih sedikit daripada bertanyakan soalan-soalan dan melaporkan jawapan-jawapan tentang status sesuatu tinjauan kepada kajian dengan memberi pernyataan terperinci yang boleh diperolehi dalam penyelidikan pengkaji.

Populasi Dan Sampel Kajian

Kajian ini dijalankan di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Menurut Mohd Najib (1999), sekiranya jumlah tidak ramai, maka penyelidik boleh menggunakan kesemua ahli. Untuk tujuan ini populasi kajian terdiri daripada pelajar-pelajar Program Khas Pensiswazahan Guru tahun 4SPH yang akan dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup). Kesemua populasi iaitu seramai 126 orang diambil sebagai responden kajian.

Mereka merupakan guru-guru yang sedang melanjutkan pengajian di Universiti Teknologi Malaysia yang mengadakan kerjasama dengan tiga buah Institut perguruan iaitu Institut Perguruan Teknik Kuala Lumpur, Institut Perguruan Temenggong Ibrahim Johor Bahru dan Institut Perguruan Tun Hussein Onn, Batu Pahat. Oleh yang demikian pengkaji mengambil keseluruhan populasi sebagai responden kajian. Jadual 3.1 menunjukkan pecahan responden mengikut kelas dan jantina.

Jadual 1 : Pecahan Responden Mengikut Institut Dan Jantina

Bil.	Institut	Lelaki	Perempuan	Jumlah
1	Institut Perguruan Teknik	19	20	39
2	Institut Perguruan Temenggong Ibrahim	20	25	45
3	Institut Perguruan Tun Hussein Onn	23	19	42
	Jumlah	62	64	126

Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan alat yang digunakan oleh pengkaji bagi mendapatkan data dan maklumat daripada responden. Instrumen kajian yang digunakan untuk mengumpul data adalah berbentuk soal selidik yang mengandungi beberapa item yang diberi kepada responden. Penggunaan set soal selidik bertujuan untuk memudahkan pengkaji menganalisis data yang diperolehi. Menurut Mohd Majid Konting (2000), penggunaan soal selidik dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran maklum balas yang diberikan oleh sampel kerana ia tidak dipengaruhi oleh penyelidik.

Instrumen berbentuk soal selidik dan temu bual merupakan dua cara yang berkesan bagi mendapatkan maklumat daripada responden selain daripada membuat pemerhatian terhadap tingkah laku mereka (Tuckman, 1978). Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan soal selidik berdasarkan skala kadar dengan menggunakan skala likert lima mata di mana responden akan memilih jawapan daripada satu kontinum (ekstrem ke ekstrem) (Mohd Najib, 1999).

Penggunaan soal selidik adalah kerana :

1. Soal selidik lebih mudah ditadbir setelah dibina.
2. Lebih mudah untuk mendapatkan data yang banyak.
3. Maklumat yang diperolehi daripada responden mudah untuk dianalisis.
4. Soal selidik lebih menjimatkan masa, tenaga dan kos.
5. Responden lebih mudah dan berani untuk memberikan tindak balas terhadap aspek yang dikaji.

Pembentukan soal selidik yang dibuat oleh pengkaji adalah berdasarkan objektif kajian yang telah dirangka, satu set borang soal selidik yang disediakan mengandungi dua bahagian iaitu terdiri daripada Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A adalah merupakan maklumat berkenaan latar belakang responden dan Bahagian B pula adalah item-item soalan yang berkaitan persoalan kajian.

Kajian Rintis

Kajian rintis terhadap item soalan kajian dilakukan terlebih dahulu untuk menguji kesahan soalan. Wiersma (1995) menyatakan bahawa kajian rintis yang telah dijalankan bertujuan untuk menguji item dari segi bahasa dan untuk mendapatkan darjah kepercayaan. Selain itu kajian rintis dijalankan untuk menguji kefahaman responden terhadap item yang dibina bagi memperolehi tahap kesahan kebolehpercayaan setiap item instrumen. Penyelidik boleh mengubahsuai struktur soal selidik sekiranya didapati perlu diperbaiki sebelum kajian sebenar dijalankan.

Menurut Mohd Najib (1999), sebelum kajian sebenar dilakukan, satu kajian rintis perlu dijalankan dengan menggunakan sampel yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan populasi yang hendak diuji. Soal selidik yang dibentuk oleh penyelidik perlu diuji bagi mengekalkan kualiti seterusnya membantu mencapai objektif penyelidik. Kebolehpercayaan bagi sesuatu

instrumen boleh dikenal pasti dengan menggunakan pelbagai kaedah antaranya ialah penggunaan nilai Alpha Cronbach. Nilai Alpha Cronbach yang menjadi rujukan ialah 0.600 sehingga 1.000.

Kajian rintis telah dijalankan pada 26 hb Oktober 2007 dan penyelidik mendapati keputusan menunjukkan kesahan dan kebolehpercayaan Alpha ialah 0.783. Kajian rintis ini membabitkan 10 orang pelajar PKPG kursus 3SPH. Borang soal selidik diedarkan dan dipungut semula untuk diproses menggunakan perisian SPSS. Berdasarkan nilai Alpha di atas, dapat disimpulkan bahawa item-item yang digunakan untuk mengukur setiap dimensi persoalan kajian mempunyai konsistensi melebihi 0.600 maka ia sesuai digunakan item soalan untuk kajian yang sebenar (Mohd Najib, 1999).

Analisis Keseluruhan

Berdasarkan kepada keseluruhan analisis data dan keputusan kajian yang telah diperolehi mengikut persoalan kajian dapat dirumuskan seperti Jadual 2.


Jadual 2 Analisis Keseluruhan Purata Min Dan Tahap Penilaian Persoalan Kajian.

No	Persoalan Kajian	Bilangan Item	Min	Tahap Penilaian
1	Adakah faktor pengurusan masa menjadi masalah kepada pelajar PKPG semasa belajar di UTM ?	10	3.77	Tinggi
2	Adakah faktor kewangan menjadi masalah kepada pelajar PKPG semasa belajar di UTM ?	10	3.53	Sederhana
3	Adakah faktor keluarga menjadi masalah kepada pelajar PKPG semasa belajar di UTM ?	10	3.99	Tinggi
4	Adakah faktor penerimaan pembelajaran menjadi masalah kepada pelajar PKPG semasa belajar di UTM ?	10	3.82	Tinggi
Purata min			3.77	Tinggi

Bilangan responden : 126

Bilangan item: 40

Merujuk kepada jadual 2 di atas, purata min yang diperolehi untuk kajian ini ialah 3.77. ini menunjukkan bahawa dapatan kajian ini berada pada tahap yang agak tinggi. Min tertinggi ialah persoalan ketiga iaitu berkaitan dengan faktor keluarga dengan peratusan sebanyak 3.99. Ini diikuti oleh persoalan kajian keempat iaitu faktor penerimaan pembelajaran dengan peratusan min sebanyak 3.82. Manakala untuk persoalan kajian 1, iaitu berkaitan dengan faktor pengurusan masa iaitu 3.77. Tahap bagi faktor kewangan iaitu persoalan kajian kedua mencatatkan purata min yang terendah tetapi masih berada pada tahap sederhana dengan min 3.53. Rajah 4.5 di bawah menunjukkan graf min hasil dapatan kajian penyelidik bagi kesemua persoalan kajian yang telah dikemukakan kepada responden.



Rajah 1 : Graf menunjukkan min keseluruhan bagi kesemua persoalan kajian.

Perbincangan

Berpandukan data keputusan yang diperolehi menunjukkan bahawa dalam aspek penerimaan pembelajaran, pelajar-pelajar PKPG berada pada tahap tinggi dengan nilai min 3.82. Ini menunjukkan majoriti responden yang dikaji dapat mengikuti proses pembelajaran dengan baik semasa berada di UTM.

Hasil dapatan bagi item 39 menunjukkan sebanyak 97.6% mengatakan bersetuju bahawa isi pelajaran yang disampaikan oleh pensyarah mudah difahami. Ini bertepatan dengan kenyataan Hargreaves (1986), mengatakan bahawa pembelajaran sebenarnya tidak berhubung kait dengan penambahan pengetahuan dan mengingat semula apa yang telah dipelajari sebaliknya, pembelajaran berkaitan dengan kefahaman prinsip-prinsip dan konsep-konsep asas yang boleh diaplikasikan kepada situasi dunia sebenar sama ada dia pernah dialami ataupun tidak. Pembelajaran perlu dilihat sebagai perubahan kualitatif seseorang melihat, mengalami, memahami dan menghayati sesuatu di dunia realiti. Teknik pembelajaran dan strategi pengajaran melibatkan bahan subjek dan persepsi pelajar.

Daripada keputusan analisis data yang diperolehi, didapati 54.8% responden mengatakan bahawa mereka mempunyai latar belakang bahasa Inggeris yang baik dan ianya tidak mengganggu proses pembelajaran mereka. Peratusan ini menunjukkan bahawa hampir separuh daripada responden yang lain menghadapi masalah dalam pernyataan tersebut. Masalah ini bersamaan dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Aziz dan Mohamad Arif (1995) iaitu satu kajian yang berhubung dengan cabaran guru yang memasuki UTM secara terus dan melalui program berkembar. Hasil dapatan kajian itu telah menunjukkan bahawa kewujudan masalah dalam aspek yang dikaji iaitu masalah pembelajaran, masalah kurang mahir dalam Bahasa Inggeris, masalah berkaitan dengan kesukaran dalam mengingat dan penerimaan pelajaran.

Begitu juga dengan item 33 di mana 92.9% pelajar mengatakan pensyarah perlu memberi nota untuk membantu pembelajaran pelajar. Menurut Sharifah Alwiyah Alsogoff (1984), pengajaran guru merupakan suatu aktiviti atau proses menukar tingkah laku, kelakuan dan mendapat kepercayaan baru. Segala aktiviti pengajaran hendaklah membawa pembaharuan terhadap kebolehan murid.

Semasa proses pengajaran guru seharusnya bijak menyampaikan maklumat atau ilmu pengetahuan untuk menjadikan pelajar sebagai insan yang serba boleh. Hasil daripada item ini jelas menunjukkan bahawa pelajar memerlukan bantuan dan tunjuk ajar daripada pensyarah supaya dapat meningkatkan lagi prestasi dalam bidang pembelajaran mereka. Ini menunjukkan bahawa pensyarah memainkan peranan yang penting dalam menentukan kejayaan pelajar.

Secara keseluruhannya pensyarah memainkan peranan penting agar proses pengajaran dan pembelajaran berada di tahap yang tinggi. Ini menunjukkan peranan pensyarah adalah penting bagi menentukan kejayaan seseorang pelajar. Pengajaran yang berkesan ialah pembelajaran yang boleh menunjukkan perubahan tingkah laku dan bukannya untuk menghabiskan sukatan semata-mata kerana pensyarah yang berkesan adalah pensyarah yang serba mahir dalam berbagai kaedah dan teknik pengajaran yang sesuai untuk pelajarinya.

Sharifah Alwiyah Asagoff (1984), mengatakan bahawa guru yang dapat membimbing untuk menggerakkan pelajarinya untuk belajar, membantu pelajar membina sikap yang positif, memperbaiki teknik mengajar serta memperbaiki diri terhadap mutu dan kualiti pengajarannya adalah merupakan guru cemerlang kerana tidak ada yang lebih membanggakan seorang guru selain dapat melihat kejayaan anak muridnya.

Rujukan

- Azlin Ismail Effendi (1994). *Satu Tinjauan Motivasi Pelajar Terhadap Pembelajarannya Bagi Pelajar-pelajar Kursus Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kejuruteraan Awam, Jentera dan Elektrik) tahun 5, sesi 1993/94*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Bloom, B.S (1976). *Taxonomy Of Education Objective*. New York: Longman.
- Che Noh Bin Che Hassan (2002). *Pemilihan Profesion Perguruan Teknikal Oleh Pemegang Sijil Kejuruteraan Melalui Program Khas Pensiswazahan Guru, Di Falkulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia: Satu Tinjauan*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Ee Ah Meng (1990). *Pedagogi Satu Pengenalan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Guru Bukan Siswazah Berpeluang Melanjutkan Pelajaran. (1998, Jun 5). *Berita Harian*. p.15.
- Hargreaves, D.J. (1996). *How Undergraduate Students Learn*. European Journal of Engeneering Education.21(4).423-434.
- Kamus Dewan (1997). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lai Kuan Seng (1996). *Satu Tinjauan Mengenai Kategori Masalah Di Kalangan Pelajar-Pelajar Lanjutan Pengajian Pendidikan (LPP)*. Projek Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Masalah Guru Diatasi Tahun 2005. (1999 Julai 20). *Berita Harian*. p.12.
- Norshamsul Azlan Mohd Nor (1997). *Masalah-Masalah Pelajar Kemasukan Tahun 2 SPA di UTM Satu Tinjauan*. Projek Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Pensiswazahan Guru Dilakukan Berperingkat. (2002, September 9). *Berita Harian*. p. 5.
- Rabiah Bt. Sidin (1994). *Pendidikan Di Malaysia, Cabaran Untuk Masa Depan* . Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Suleiman Yunos,Md.Ali Onn dan Kandar Selamat (1995). *Kemahiran Hidup : Pelaksanaan Dan Cabaran Dalam Penyediaan Guru-Guru Terlatih*. Persidangan Teknikal Dan Kejuruteraan : Universiti Teknologi Malaysia.
- Tuckman, W.B. (1978). *Conducting Educational Research*. New York: Harcourt Bruce Javanovich.